

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 12.05.2026 MASA: 12.00PM
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG
PERSATUAN KAKITANGAN INDIA MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI (PERSAKTI MBSP)
KALI PERTAMA TAHUN 2026

TARIKH / MASA / TEMPAT
13 MEI 2026 (RABU)
2.40 PETANG

AUDITORIUM
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

MBSP

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya MBSP

Yang Berusaha Puan Manggleshwary a/p Muniandy

Pengerusi PERSAKTI MBSP

Barisan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PERSAKTI MBSP

serta

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh bermakna ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Persatuan Kakitangan India Majlis Bandaraya Seberang Perai (PERSAKTI MBSP) Kali Pertama Tahun.**
2. Pertama sekali, saya mengucapkan tahniah kepada PERSAKTI atas kejayaan menganjurkan Mesyuarat Agung Kali Pertama ini dengan tersusun dan profesional. Tahniah juga saya ucapkan kepada seluruh warga PERSAKTI atas kejayaan menubuhkan persatuan ini secara rasmi pada 16 Mei 2025. Penubuhan ini merupakan satu pencapaian penting yang bukan sahaja memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan kakitangan India di MBSP, malah menjadi platform rasmi dalam menjaga kebajikan serta memperkukuh hubungan sesama warga kerja.
3. Untuk makluman semua, cadangan penubuhan PERSAKTI ini pada asalnya merupakan satu idea daripada saya sendiri, hasil daripada pemerhatian terhadap keperluan untuk mewujudkan satu saluran yang

lebih tersusun dan rasmi bagi menyelaraskan aktiviti serta memperjuangkan kebajikan kakitangan. Walau bagaimanapun, saya amat menghargai usaha dan dedikasi pasukan yang diketuai oleh Puan Manggleshwary kerana telah berjaya merealisasikan idea ini menjadi sebuah persatuan yang tersusun, berfungsi dan aktif seperti hari ini.

4. Sebelum ini, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan secara sukarela, termasuk sambutan Ponggal dan program keagamaan. Namun, kekangan dari segi pengurusan kewangan, dokumentasi dan penyelarasan sering membataskan potensi sebenar usaha tersebut.
5. Hari ini, keadaan itu telah berubah. Dengan adanya PERSAKTI, semua aktiviti kini bergerak di atas satu platform yang lebih tersusun, telus dan berakuntabiliti. Ini adalah asas kepada sebuah organisasi yang matang dan berdaya tahan.
6. Dalam tempoh kurang setahun, PERSAKTI telah berjaya menghimpunkan 151 ahli daripada 260 kakitangan India di MBSP. Ini bukan angka biasa — ini adalah indikator kepercayaan, penerimaan dan keyakinan terhadap kepimpinan persatuan.
7. Apa yang lebih penting, PERSAKTI tidak bergerak secara eksklusif, tetapi inklusif. Penglibatan dalam program seperti Hari Bandaraya, Hari Keluarga dan Santuni Komuniti membuktikan bahawa PERSAKTI

menyumbang kepada perpaduan organisasi, bukan hanya mewakili satu kaum.

8. Inilah nilai sebenar yang kita mahu bina — kebersamaan, saling menghormati dan kekuatan dalam kepelbagaian. Pihak MBSP akan terus menyokong segala inisiatif yang memberi manfaat kepada kakitangan dan organisasi. Namun, kejayaan sebenar bergantung kepada komitmen ahli sendiri.
9. Persatuan yang kuat bukan dibina oleh struktur semata-mata, tetapi oleh disiplin, kesatuan dan tindakan. Akhir kata, saya berharap PERSAKTI akan terus berkembang sebagai sebuah persatuan yang aktif, progresif, berdaya saing dan dihormati. Malah, saya juga ingin melihat PERSAKTI teruskan momentum ini. Kukuhkan asas, perluaskan peranan, dan kekalkan integriti serta menjadi contoh terbaik kepada persatuan lain dari segi perpaduan, disiplin, kerjasama serta semangat kekitaan dalam kalangan ahli.
10. Tanpa membuang masa lagi, dengan ini saya merasmikan Mesyuarat Agung PERSAKTI MBSP Kali Pertama Tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***